

21 MAY 1996

Mahathir-Clinton

MAHATHIR TEMUI CLINTON, BINCANG HUBUNGAN DUA HALA

Oleh: Salmy Hashim

SAN FRANCISCO, 21 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menemui Presiden Bill Clinton di White House pada hari Selasa untuk berbincang mengenai hubungan Malaysia-A.S dan isu antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Dr Mahathir menyatakan hal ini pada persidangan berita pada hari Isnin selepas membuka forum mengenai perkongsian Malaysia-A.S dalam bidang perniagaan dan teknologi anjuran Institut Kepemimpinan dan Strategi Asia (Asli) dan Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) Malaysia.

Beliau berkata masa "beberapa minit" beliau akan bersama Clinton itu akan juga meliputi masalah Bosnia.

Bagaimanapun beliau berkata beliau tidak akan membangkitkan soal Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), kumpulan perundingan yang dicadangkan bagi negara-negara Asia Timur, kerana kesuntukan masa.

White House, setelah mengetahui yang Perdana Menteri akan berada di Amerika Syarikat pada 17-21 Mei untuk berucap pada dua persidangan perniagaan di San Francisco dan Washington DC, dengan tergesa-gesa mengatur pertemuan Clinton-Mahathir untuk diadakan pada hari Isnin, tetapi ia ditunda ke hari Selasa memandangkan jadual untuk Dr Mahathir berucap kepada persidangan 200 peserta di San Francisco itu sudah ditetapkan.

Pertemuan itu akan merupakan pertemuan peribadi kali kedua sejak tahun lepas antara kedua-dua pemimpin itu yang nampaknya telah menjalin hubungan persahabatan yang mesra.

Pada pertemuan yang lepas Clinton telah mendapatkan pandangan Dr Mahathir mengenai China, rantau Asia Pasifik dan isu dua hala.

Clinton nampaknya tidak tersinggung apabila Dr Mahathir tidak menghadiri mesyuarat pertama pemimpin forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Blake Island pada 1993. Malahan pada satu persidangan berita, beliau melahirkan hasratnya untuk menemui pemimpin Malaysia itu pada suatu masa nanti.

Perdana Menteri, yang pada mulanya mempunyai sedikit-sebanyak kesangsian terhadap Apec, berkata dalam ucapannya di sini pada hari Isnin bahawa beliau kini "agak selesa" dengan proses Apec, dan menyatakan yang Malaysia akan menjadi tuan rumah persidangan kemuncak Apec pada 1998.

Dalam dialog dengan ahli perniagaan Amerika selepas ucapannya, Dr Mahathir menerangkan bahawa beliau gembira mendapati Apec memberi perhatian tentang keperluan negara sedang membangun yang lebih kecil kerana ini akan meningkatkan ekonomi anggotanya melalui perdagangan bebas dan pasaran terbuka.

"Ia merupakan forum persamaan -- setiap pihak mempunyai kedudukan yang sama daripada segi pendapat. Dan kami rasa selesa dengan keadaan itu," kata beliau.

Clinton, walaupun masih teragak-agak untuk menerima EAEC, kini kelihatan mengambil pendirian yang jauh lebih lembut terhadap gagasan itu, yang asalnya dicadangkan oleh Dr Mahathir. Pendirian itu sangat jauh berbeza dengan reaksi secara permusuhan oleh Presiden yang lepas, George Bush yang menyifatkan cadangan itu bercorak "perkauman" dan mempunyai unsur "perlindungan" kerana ia tidak memasukkan negara bukan Asia.

Perdana Menteri berlepas dari San Francisco pada petang Isnin, dan pada hari Selasa beliau akan memberi ucapan pada "Debat Nilai Asia" pada mesyuarat agung Antarabangsa ke-29 PBEC di Washington.

Lawatan kerja sehari Dr Mahathir ke Washington juga termasuk pertemuan

dengan anggota kanan Majlis A.S.-Asean, ketua eksekutif syarikat Amerika dan antarabangsa, dialog dengan pelajar Malaysia dan jamuan tengah hari yang diberikan oleh Senator Christopher Bond, pengerusi Kumpulan Kajian Asia Pasifik Senat. Sekurang-kurangnya lapan senator A.S. dijangka menghadirinya.

Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat, Datuk Dali Hashim, berkata anggota perundangan Amerika itu berminat untuk mendengar pendapat Dr Mahathir mengenai arah aliran hubungan A.S.-Malaysia pada masa akan datang, isu keselamatan di Asia Tenggara, China, EAEC dan bagaimana ia berhubung kait dengan Apec, di samping peranan Asean di Asia Tenggara dan bagaimana Malaysia melihat keanggotaan Vietnam ke dalam kumpulan itu. -- BERNAMA

SH CTL NMO